

## 5.9 Kriteria Penilaian Rescue Contractor

*Rescue Contractor* hendaklah mempunyai pengalaman, kemahiran teknikal dan berkemampuan dari segi kewangan bagi memastikan mereka mampu menyiapkan projek *critically delayed* yang tertangguh dalam jangka masa yang ditetapkan. Jawatankuasa Penilaian *Rescue Contractor* hendaklah membuat penilaian berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

### 5.9.1 Pendaftaran dengan UPKJ dan CIDB

- (i) Kontraktor hendaklah berdaftar dengan UPKJ dalam bidang kerja mengikut Kelas / Kepala seperti Kerja-Kerja Kejuruteraan, Bangunan, Kerja Tanah dan Jalan Raya, Kerja-kerja Pengairan dan Saliran, Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal; dan
- (ii) Mempunyai pendaftaran yang masih sah dengan UPKJ dan CIDB (PPK).

### 5.9.2 Rekod dalam *Contractors Registration Rating Information System (CORRIS)*, *Centralized Information Management System (CIMS)*, CIDB dan Rekod di Agensi Kerajaan

Tidak mempunyai rekod tindakan tatatertib / disiplin seperti projek *critically delayed*, pergantungan pendaftaran, tindakan undang-undang seperti muflis, jenayah, sivil, penyelesaian pertikaian melalui timbangtara, litigasi, adjudikasi, dan seumpamanya di dalam sistem CORRIS UPKJ, sistem CIMS CIDB dan di mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan.

### 5.9.3 Penarafan Skor CIDB

Penarafan Skor CIDB boleh digunakan sebagai salah satu kriteria penilaian. Walau bagaimanapun kontraktor hendaklah mempunyai Sijil CIDB SCORE yang sah dengan penarafan sekurang-kurangnya tiga (3) bintang dan sijil tersebut masih sah laku sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** dari tarikh penutupan pelawaan.

### 5.9.4 Pengalaman Kerja dan Prestasi Kerja Kontraktor Yang Lepas

- (i) Mempunyai pengalaman kerja berdasarkan rekod pendaftaran UPKJ dalam bidang yang berkaitan i.e Kerja, Mekanikal atau Elektrikal dan disokong dengan dokumen sokongan seperti Surat Setuju Terima atau Sijil Siap Praktikal (*Certificate of Practical Completion*).

- (ii) Pengalaman kerja yang dimaksudkan adalah Kontraktor berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya dua (2) projek bagi setiap bidang.
- (iii) Bagi Kontraktor yang memiliki rekod penamatan projek, Jawatankuasa Penilaian *Rescue Contractor* tidak akan membuat pertimbangan / pengesyoran sehingga selepas penggantungan / pembatalan pendaftaran CIDB (PKK) dan pendaftaran UPKJ, kontraktor berkenaan berjaya menyiapkan projek yang baru ditawarkan kepadanya. Kriteria ini adalah penting untuk memastikan Kontraktor yang disyorkan sentiasa memiliki prestasi kerja yang menyakinkan serta dapat menyiapkan projek mengikut jadual seperti yang dinyatakan di dalam syarat-syarat kontrak.
- (iv) Nilai kerja yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada kontrak tunggal atau nilai kontrak terkumpul (*accumulative*).

#### 5.9.5 Kecukupan Modal Minima sebagai *Rescue Contractor*

- (i) Kontraktor hendaklah memenuhi **modal minima sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%)** daripada **Had Kewangan pendaftaran bagi kontraktor Kelas A** dan **sekurang-kurangnya tujuh peratus (7%) bagi kontraktor Kelas B dan ke bawah**. Sebagai panduan, syarat memenuhi kecukupan modal minima adalah seperti berikut:

<b>Had Kewangan Kelas A</b>	<b>RM 10 Juta</b>
<b>10% modal minima</b> yang diperlukan berdasarkan Had Kewangan pendaftaran UPKJ	= RM10 juta x <b>10%</b> = RM1,000,000.00
<b>30% daripada modal minima</b> adalah dalam bentuk aset mudah tunai ( <i>cash liquidity</i> )	RM1,000,000.00 x 30%  = RM300,000.00 adalah dalam bentuk aset mudah tunai

<b>Had Kewangan Kelas C</b>	<b>RM 5 Juta</b>
<b>7% modal minima</b> yang diperlukan berdasarkan Had Kewangan pendaftaran UPKJ	= RM5 juta x <b>7%</b> = RM350,000.00
<b>30% daripada modal minima</b> adalah dalam bentuk aset mudah tunai ( <i>cash liquidity</i> )	RM350,000.00 x 30%  = RM105,000.00 adalah dalam bentuk aset mudah tunai

Kecukupan modal minima adalah berasaskan Aset Cair yang **dicampur** dengan Kemudahan Kredit, Dimana tiga puluh peratus (30%) daripada modal minima tersebut adalah dalam bentuk aset mudah tunai.

- (ii) Aset Cair Adalah “**Modal Pusingan**” atau “**Purata Akaun Bank yang dicampur Deposit Tetap**”, yang mana lebih tinggi. **Modal Pusingan** adalah nilai Aset Semasa tolak Liabiliti Semasa yang diambil daripada Lembaran Imbangan yang terkandung di dalam Penyata Kewangan Beraudit Syarikat terkini. Maka, pengiraan bagi menentukan kecukupan modal minima adalah seperti yang berikut:-
- (a) Modal Pusingan = Aset Semasa – Liabiliti Semasa
  - (b) Purata Penyata Bulanan Bank bagi 3 bulan terakhir
  - (c) (i) Deposit Tetap + (a) **atau**  
(ii) Deposit Tetap + (b)
  - (d) Buat perbandingan di antara (c) (i) dan (c) (ii), ambil yang mana tertinggi
  - (e) Campurkan Kemudahan Kredit
  - (f) Jumlah Kecukupan Modal Minima = (d) + (e), dan memenuhi syarat 30% jumlah modal minima ini adalah dalam bentuk aset mudah tunai.
- (iii) Kontraktor adalah dikehendaki mengemukakan maklumat kewangan untuk menyokong permohonan mereka seperti berikut:
- (a) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank (salinan diakui sah oleh bank / institusi kewangan) bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup pelawaan.  
  
Sekiranya kontraktor mengemukakan hanya satu (1) atau dua (2) Penyata Bulanan Akaun Bank dan sekiranya nilai baki adalah positif maka nilai tersebut hendaklah dibahagikan dengan tiga (3).  
  
Manakala, sekiranya nilai baki di dalam mana-mana Penyata Bulanan Akaun Bank yang dikemukakan adalah negatif, maka nilai tersebut hendaklah diambil kira sebagai sifar (RM 0).
  - (b) Laporan daripada bank / institusi kewangan mengenai **kemudahan kredit / deposit tetap** kontraktor yang ditandatangani oleh pihak bank / institusi kewangan.

- (c) Bagi Syarikat Sdn Bhd / Bhd, **Salinan Penyata Kewangan Syarikat** yang telah diaudit dan disahkan oleh Juruaudit yang bertauliah bagi tahun kewangan terakhir, atau sekiranya tiada, salinan penyata kewangan syarikat bagi tahun kewangan setahun sebelumnya.
- (iv) Memandangkan Had Kewangan Kontraktor UPKJ dalam bidang Elektrikal adalah berbeza daripada Kontraktor daripada bidang Kerja dan Mekanikal, maka, penilaian boleh berdasarkan had kewangan bagi Kontraktor bidang Elektrikal yang ditetapkan seperti yang berikut:-

<b>Had Kewangan Kelas II</b>	<b>RM 1 juta</b>
7% modal minima yang diperlukan berdasarkan Had Kewangan pendaftaran UPKJ	= RM1 juta x 7% = RM70,000.00
30% daripada modal minima adalah dalam bentuk aset mudah tunai (cash liquidity)	= RM70,000 x 30% = RM21,000.00

- (v) Bagi Had Kewangan maksimum UPKJ **Kelas A** untuk bidang **Kerja** dan **Kelas I** untuk bidang **Elektrikal yang tiada had kewangan maksimum**, bagi maksud pendaftaran *Rescue Contractor*, syarat-syarat keperluan Modal Minimum boleh ditetapkan mengikut kesesuaian sesuatu projek atau berdasarkan had kewangan seperti yang berikut:-

<b>UPKJ</b>	<b>Modal Minimum berdasarkan</b>
<b>Kerja - Kelas A</b>	Pendaftaran Gred G7 CIDB iaitu sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) daripada RM10,000,001 atau mengikut kesesuaian projek (jika berkenaan), yang mana lebih tinggi dan bersesuaian
<b>Elektrikal Kelas I</b>	- Sekurang-kurangnya sepuluh (10%) daripada RM2,000,000.00 atau mengikut kesesuaian projek (jika berkenaan), yang mana lebih tinggi dan bersesuaian

### 5.9.6 Keupayaan Teknikal (Kakitangan Teknikal / Jentera / Loji / Peralatan)

- (i) Penilaian keupayaan teknikal kontraktor hendaklah dibuat berdasarkan kepada maklumat-maklumat daripada dokumen sokongan yang telah dikemukakan seperti carta organisasi, Penyata Caruman KWSP, resit KWSP, resit PERKESO dan lain-lain.
- (ii) Kontraktor mempunyai kakitangan teknikal / profesional berdasarkan kelas pendaftaran UPKJ **Kerja** dan **Mekanikal** seperti berikut:

Kelas Pendaftaran	Keperluan Kakitangan Profesional
Kelas A / B / C	Dua (2) pekerja teknikal yang mempunyai pengalaman minimum selama tiga (3) tahun dengan ijazah (berkaitan dengan pembinaan)
Kelas D dan ke bawah	Seorang (1) pekerja teknikal yang mempunyai pengalaman minimum selama dua (2) tahun dengan ijazah (berkaitan dengan pembinaan); DAN Seorang (1) pekerja teknikal yang mempunyai pengalaman minimum selama satu (1) tahun dengan Diploma (berkaitan dengan pembinaan)

- (iii) Bagi Kontraktor yang hendak berdaftar sebagai *State Rescue Contractor* dalam bidang Elektrikal, Kontraktor hendaklah mempunyai kakitangan teknikal / profesional mengikut Kelas UPKJ dalam bidang **Elektrikal** seperti berikut:-

Kelas Pendaftaran	Keperluan Kakitangan Profesional
Kelas I dan II	Seorang (1) profesional kelayakan ijazah dalam bidang berkaitan elektrik dengan minimum pengalaman dua (2) tahun, dan  Seorang (1) pekerja teknikal dengan kelayakan Diploma dalam bidang berkaitan elektrik dengan minimum pengalaman satu (1) tahun

Kelas III dan ke bawah	Seorang (1) pekerja teknikal dengan kelayakan Diploma dalam bidang berkaitan elektrik dengan minimum pengalaman dua (2) tahun
------------------------	---

- (iv) Semua kakitangan teknikal profesional Kontraktor yang mempraktikkan dan menyediakan perkhidmatan kejuruteraan hendaklah berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (*Board of Engineers Malaysia*) selaras dengan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) yang masih berkuatkuasa.
- (v) Bagi mesin / loji / peralatan, kontraktor hendaklah menunjukkan bukti pemilikan seperti kad pendaftaran kenderaan bagi kenderaan / loji / peralatan ataupun perjanjian sewabeli / sewapajak sebagai dokumen sokongan. Jika mesin / loji / peralatan disewa, perjanjian sewa *bona fide* perlulah dikemukakan sebagai bukti penyewaan.

Perjanjian sewabeli / sewapajak yang tidak lengkap (seperti tidak menyatakan tempoh perjanjian dan tarikh luput perjanjian) atau surat sokongan daripada mana-mana pihak berkenaan loji / peralatan juga tidak akan dipertimbangkan dalam penilaian.

#### **5.9.7 Maklumat Projek dan Prestasi Kerja Semasa**

- (i) Kontraktor dikehendaki mengemukakan maklumat mengenai kontrak semasa (*on-going contract*).
- (ii) Kontraktor dikehendaki mengemukakan laporan daripada Pegawai Penguasa (S.O.) / Pengarah Projek (P.D.) atau wakilnya untuk mendapatkan maklumat prestasi bagi kerja-kerja semasa.
- (iii) Prestasi kontraktor untuk kerja semasa juga boleh disemak didapati daripada sistem *CoRRIS* ataupun laporan profil kontraktor dalam sistem *CIMS*, *CIDB*

#### **5.9.8 Pemilikan Syarikat Tempatan Sarawak (*Sarawakian Owned Company*)**

- (a) Untuk melindungi kepentingan syarikat milikan warga tempatan Sarawak dalam industri pembinaan di Sarawak terutamanya dalam pelaksanaan projek termasuk menyiapkan baki kerja yang

menggunakan peruntukan Sarawak, kriteria Pemilikan Syarikat Tempatan Sarawak (*Sarawakian Owned Company*) merupakan kriteria yang baru dan Kontraktor dikehendaki memenuhi kriteria tersebut dalam pendaftaran sebagai *State Rescue Contractor*.

- (b) Bagi Syarikat Yang Dimiliki oleh Individu (sama ada Enterprise / Sdn Bhd / Berhad / Koperasi / Limited Liability Partnership), kriteria Pemilikan Syarikat Tempatan Sarawak adalah:
  - (i) 100% pemegang saham adalah Anak Negeri Sarawak;
  - (ii) 100% pengarah adalah Anak Negeri Sarawak;
  - (iii) 70% pekerja teknikal adalah Anak Negeri Sarawak; dan
  - (iv) Mempunyai pejabat / premis yang beroperasi di Sarawak
  
- (c) Bagi Syarikat Yang Dimiliki Secara Korporat / Nomini (sama ada Enterprise / Sdn. Bhd. / Berhad / Koperasi / Limited Liability Partnership), kriteria Pemilikan Syarikat Tempatan Sarawak:
  - (i) 100% pengarah adalah Anak Negeri Sarawak;
  - (ii) 70% pekerja teknikal adalah Anak Negeri Sarawak; dan
  - (iii) Mempunyai pejabat / premis yang beroperasi di Sarawak

5.9.9 Kriteria Lain Yang Berkaitan (jika ada) dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan *Rescue Contractor*.